

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 NOVEMBER 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 38

Inflasi Malaysia pada Oktober 1.8% terendah sejak April 2021

Inflasi Malaysia pada Oktober 1.8%, terendah sejak April 2021

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**
ekonomiutusan@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Inflasi Malaysia pada Oktober 2023 meningkat 1.8 peratus, terendah sejak April 2021, dengan mata indeks mencatatkan 130.9 berbanding 128.6 pada bulan yang sama tahun sebelumnya, lapor Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, peningkatan inflasi didorong oleh kenaikan lebih rendah bagi kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol sebanyak 3.6 peratus (September 2023: 3.9 peratus), diikuti peningkatan perlahan kumpulan Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah (1.4 peratus/September 2023: 1.5 peratus) dan Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan (2.3 peratus/September 2023: 2.5 peratus).

Sementara itu, kata beliau, antara kumpulan utama lain yang menyumbang kepada peningkatan lebih rendah inflasi berbanding September 2023 adalah kumpulan Minuman Alkohol dan Tembakau (0.6 peratus/September 2023: 0.7 peratus) dan Pakaian dan Kasut (0.0 peratus/September 2023: 0.1 peratus).

"Kumpulan Makanan dan



PENGGUNA mendapatkan barangan keperluan di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur. Komponen barangan pengguna antara penyumbang kepada peningkatan inflasi negara. - **GAMBAR HIASAN**

Minuman Bukan Alkohol yang menyumbang 29.5 peratus daripada keseluruhan wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP) telah merekodkan peningkatan sederhana iaitu 3.6 peratus. Komponen Makanan di

rumah meningkat 2.1 peratus berbanding 2.5 peratus yang direkodkan bulan sebelumnya.

"Kenaikan komponen Makanan di rumah adalah didorong terutamanya oleh subkumpulan

Beras, roti dan bijirin lain (3.6 peratus/September 2023: 4.1 peratus).

"Ini diikuti oleh subkumpulan Susu, keju dan telur dan Daging masing-masing meningkat 3.1

peratus dan 2.1 peratus. Sementara itu, komponen Makanan di luar rumah meningkat perlahan kepada 5.6 peratus berbanding 5.9 peratus yang direkodkan pada September 2023. Antara item yang menunjukkan peningkatan lebih perlahan adalah Burger, Ayam goreng dan Murtabak," kata beliau dalam kenyataan sempena IHP Oktober 2023.

Mohd. Uzir berkata, inflasi keseluruhan secara bulanan pada Oktober 2023 meningkat 0.1 peratus disumbangkan oleh peningkatan kumpulan Restoran dan Hotel (0.5 peratus), Pengangkutan (0.2 peratus) dan Kesihatan (0.2 peratus).

Sementara itu, inflasi teras meningkat perlahan pada 2.4 peratus (September 2023: 2.5 peratus), namun masih melepasi kadar inflasi negara (1.8 peratus). Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh inflasi Makanan dan Minuman Bukan Alkohol (4.8 peratus).

"Bagi perbandingan dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (1.8 peratus) adalah lebih rendah berbanding Filipina (4.9 peratus), Republik Korea (3.8 peratus), Vietnam (3.6 peratus) dan Indonesia (2.6 peratus). Namun, kadar tersebut lebih tinggi berbanding China (-0.2 peratus) dan Thailand (-0.3 peratus)," katanya.